

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MEI 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sungai Selangor Dan water level still low despite rain	The Star
2.	Penunggang sengaja tempah maut	Harian Metro
3.	80% guna topi keledar tamat tempoh	Utusan Malaysia
4.	Letak nyawa di hujung tanduk	KOSMO
5.	Ramai ibu bapa tidak sedar pentingnya guna topi keledar betul untuk anak	BERNAMA
6.	Monetise your intellectual property	The Star
7.	Kerjasama strategik TPMB-Angkasa sasar jana pertumbuhan 10 peratus	Utusan Malaysia
8.	TPMB optimis mampu jual produk herba RM100,000 sebulan	KOSMO

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 29 MEI 2014 (KHAMIS)

Sungai Selangor Dam water level still low despite rain

PETALING JAYA: Recent heavy rain has failed to raise the water level to an optimum level of 55% at the Sungai Selangor Dam and the anticipated El Nino phenomenon next month could lead to rationing for millions in the Klang Valley.

S. Piarapakaran, president of the Association of Water Energy Research, said the south-west monsoon season, forecast to last until September, and the El Nino phenomenon could reduce water levels.

"The worry is that the El Nino will affect the rainfall pattern during the south-west monsoon and inter-monsoon period. Less rainfall means less water in the rivers and dams and more peat fires," he said.

According to the Selangor Water Management Authority website, the water level at the dam stood at 42.53% as of 8am yesterday.

The water level was at 36.53% on March 31, 38.97% on April 23, before hitting the 40% mark on April 28, leading to the lifting of the water rationing exercise in Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur.

"Based on what happened early this year, the possibility of water rationing is still there," said Piarapakaran.

The Meteorological Department said the El Nino weather pattern would not effect the peninsula adversely but could cause a dry spell in Sabah and Sarawak.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 56
TARIKH: 29 MEI 2014 (KHAMIS)

Penunggang sengaja tempah maut

Kuantan: Kira-kira 80 peratus penunggang motosikal di negara ini sengaja memilih maut apabila masih menggunakan topi keledar tanpa cop sirim atau tamat tempoh menyebabkan mereka terdedah kepada risiko kecederaan apabila berlakunya kemalangan.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Datuk Dr Tam Weng Wah berkata, kebanyakan penunggang motosikal mengambil mudah kualiti topi keledar hanya semata-mata mahu kelihatan menarik dan mahukan produk pada harga murah.

Katanya, ketelitian dalam memilih topi keledar sepatutnya dititikberatkan dengan mengambil kira sama ada ia mempunyai cop sirim, tahan hentakan dan mampu melindungi kepala sekiranya berlaku kemalangan.

“Kebanyakan topi keledar yang digunakan penunggang motosikal tidak selamat, malah mendedahkan pengguna kepada risiko kecederaan apabila berlakunya kemalangan kerana tidak boleh menahan hentakan selain tiada perlindungan menyeluruh di kepala.

“Malah, ada antara mereka masih memakai topi keledar yang melindungi se-



TAM (kanan) membantu penunggang memakai topi keledar.

paruh kepala yang boleh pecah apabila terhentak di permukaan jalan raya. Perkara ini perlu dipandang serius kerana ia membabitkan nyawa penunggang dan pembonceng,” katanya, ketika ditemui pada Program Advokasi Tukar/Ganti Topi Keledar di Jalan Bukit Ubi, di sini, semalam.

Pada program itu 80 topi keledar serta jaket keselamatan diagihkan kepada penunggang dan pembonceng motosikal dalam mendidik mereka mengambil langkah keselamatan yang optimum bagi mengelak berlakunya kemalangan jalan raya.

Dalam pada itu, Weng Wah berkata, kemalangan

maut membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal meningkat pada tahun lalu apabila mencatatkan 323 mangsa berbanding 280 pada tahun 2012.

“Peningkatan ini adalah berdasarkan jumlah kenderaan yang semakin meningkat namun sikap penunggang motosikal yang mengambil sikap sambil lewa terhadap keselamatan di jalan raya turut menyumbang kepada faktor berkenaan.

“Oleh itu, kami mengadakan kempen kesedaran lebih kerap kepada penunggang dan pembonceng motosikal supaya mengubah amalan ketika di jalan raya,” katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 29 MEI 2014 (KHAMIS)

80% guna topi keledar tamat tempoh

KUANTAN 28 Mei - Kira-kira 80 peratus penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini menggunakan topi keledar yang sudah tamat tempoh selain tidak mempunyai kelulusan SIRIM Berhad (SIRIM).

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Dr. Tam Weng Wah berkata, sikap itu mengakibatkan mereka terdedah kepada risiko kecederaan serta boleh membawa maut apabila terlibat dalam kemalangan.

"Kebanyakan penunggang dan pembonceng motosikal mengambil mudah kualiti topi keledar semata-mata mahu kelihatan menarik dan murah harganya.

"Ketelitian memilih topi keledar sangat penting dengan mengambil kira mempunyai cap SIRIM, tahan hentakan dan mampu melindungi kepala sekiranya berlaku kemalangan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Advokasi Tukar/Ganti Topi Keledar di Jalan Bukit Ubi, di sini hari ini.

Program itu diisi dengan pengagihan cenderamata dan baju pemantul cahaya kepada pengguna jalan raya, pengedaran risalah, pertukaran topi keledar serta menampal pelekat khas kepada kendaraan yang lalu-lalang di situ.

Weng Wah berkata, jumlah kemalangan membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal meningkat pada tahun lalu apabila



TAM Weng Wah memakaikan topi keledar kepada pengguna jalan raya pada Program Advokasi Tukar/Ganti Topi Keledar di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

mencatatkan 323 mangsa berbanding 280 pada 2012.

"Peningkatan ini adalah berdasarkan jumlah kendaraan yang semakin meningkat namun sikap penunggang motosikal yang mengambil sikap sambil lewat tentang keselamatan di jalan raya turut menyumbang kepada faktor berkenaan," katanya.

Beliau dalam pada itu turut me-

minta ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka memakai topi keledar sejak daripada kecil lagi.

Langkah itu, katanya, perlu dilakukan bagi memberi kesedaran kepada anak-anak mengenai pentingnya memakai topi keledar ketika menaiki motosikal.

Bagaimanapun, katanya, JKJR menasihatkan ibu bapa supaya membeli topi keledar yang sesuai

untuk anak-anak mereka serta mempunyai cap SIRIM.

"Ramai ibu bapa yang tidak tahu bahawa JKJR ada mengeluarkan topi keledar yang khusus untuk kanak-kanak. Ada ibu bapa yang membeli topi keledar untuk anak mereka dekat kedai permainan, topi keledar itu memang cantik dan minat untuk dipakai oleh anak-anak tetapi tidak selamat," katanya.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 29 MEI 2014 (KHAMIS)**

80 peratus penunggang motosikal guna topi keledar tidak dilulus SIRIM

Letak nyawa di hujung tanduk



WENG WAH (kanan) memakaikan topi keledar yang diluluskan SIRIM pada seorang penunggang motosikal sambil diperhatikan Pengarah JKJR Pahang, Nur Ayuni Mohammad Zin (kiri) di Jalan Bukit Ubi, Kuantan, Pahang semalam.

KUANTAN – Kira-kira 80 peratus penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini menggunakan topi keledar tanpa kelulusan Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan ada juga yang tamat tempoh.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Dr. Tam Weng Wah berkata, perkara itu menyebabkan mereka terdedah kepada risiko kecederaan serta boleh membawa maut apabila berlakunya kemalangan.

“Kebanyakan penunggang dan pembonceng motosikal mengambil mudah kualiti topi keledar semata-mata mahu kelihatai menarik dan murah harganya.

“Ketelitian dalam memilih topi keledar sepatutnya dititikberatkan dengan mengambil kira

mempunyai cop SIRIM, tahan hentakan dan mampu melindungi kepala sekiranya berlaku kemalangan,” katanya pada sidang akbar selepas Program Advokasi Tukar/Ganti Topi Keledar di Jalan Bukit Ubi di sini semalam.

Program itu diisi dengan pengagihan cenderahati dan baju pemantul Cahaya kepada pengguna jalan raya, pengedaran risalah, pertukaran topi keledar serta menampal pelekat khas kepada kenderaan yang lalu-lalang di situ.

Weng Wah berkata, jumlah kemalangan membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal di negeri ini meningkat pada tahun lalu apabila mencatatkan 323 mangsa berbanding 280 pada 2012.

“Peningkatan ini adalah berdasarkan jumlah kenderaan yang

semakin meningkat namun sikap penunggang motosikal yang mengambil sikap sambil lewa keselamatan di jalan raya turut menyumbang kepada faktor berkenaan,” katanya.

Beliau dalam pada itu turut meminta ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka memakai topi keledar sejak daripada kecil lagi.

Langkah tersebut, katanya, perlu dilakukan bagi memberikan kesedaran kepada anak-anak mengenai pentingnya memakai topi keledar ketika menaiki motosikal.

Bagaimanapun, katanya, JKJR menasihatkan para ibu bapa supaya membeli topi keledar yang sesuai untuk anak-anak mereka yang mempunyai kelulusan Institut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 MEI 2014 (KHAMIS)



Ramai Ibu Bapa Tidak Sedar Pentingnya Guna Topi Keledar Betul Untuk Anak

KUANTAN, 28 Mei (Bernama) -- Ibu bapa diingatkan supaya membeli topi keledar khusus untuk kanak-kanak demi menjamin keselamatan mereka semasa menunggang motosikal.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Datuk Dr Tam Weng Wah berkata masih ramai ibu bapa yang tidak memberi penekanan dan tumpuan terhadap penggunaan topi keledar yang betul untuk anak-anak.

"Ramai ibu bapa yang tidak menyedari adanya topi keledar khusus untuk kanak-kanak. Kebanyakan ibu bapa memakaikan anak-anak mereka topi keledar yang dibeli di kedai permainan.

"Topi keledar itu cantik untuk anak-anak tetapi ia tidak selamat dan tidak menjaga keselamatan anak kita di atas jalan raya," katanya kepada pemberita selepas Program Advokasi Tukar/Ganti Topi Keledar di Jalan Bukit Ubi - Sungai Lembing di sini Rabu.

Dr Tam berkata didikan ibu bapa terhadap penggunaan topi keledar semasa menaiki motosikal dan tali pinggang ketika di dalam kereta perlu diterapkan terhadap anak-anak sejak kecil supaya amalan itu menjadi kebiasaan dan kewajipan untuk mereka.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata kira-kira 80 peratus penunggang motosikal di negara ini menggunakan topi keledar yang tidak diperaku oleh **Sirim Berhad** atau tamat tempoh menyebabkan mereka terdedah kepada risiko kecederaan apabila berlakunya kemalangan.


Menurutnya kebanyakan penunggang motosikal mengambil mudah kualiti topi keledar iaitu tidak mengendah sama ada ia mempunyai cop Sirim Berhad, tahan hentakan dan mampu melindungi kepala jika kemalangan.

"Masih ramai penunggang dan pembonceng yang memakai topi keledar separuh yang tiada ketahanan dan tidak melindungi pipi apabila terhentak di jalan raya," katanya.

Pada program itu, sebanyak 80 topi keledar dan jaket keselamatan diagihkan secara percuma kepada penunggang dan pembonceng motosikal bagi mendidik mereka mengambil langkah keselamatan yang optimum untuk mengelak kemalangan jalan raya.

-- BERNAMA

MONETISE YOUR INTELLECTUAL PROPERTY




Leading the charge: Malaysia Debt Ventures Bhd CEO Datuk Md Zubir Ansori Yahaya is at the forefront of efforts to provide financing backed only by intellectual property.

METRO BIZ

Putting a value on ideas

Moves to provide financing backed by intellectual property as collateral start to gain momentum

30 & 31



Monetising intellectual property

Plan to provide financing backed by ideas as collateral starts to gain traction

By LIM WING HOOI
winghooi@thestar.com.my

WITH 1,093 US patents in his name, Thomas Alva Edison is known as one of the most prolific inventors of his time.

Famous for saying, "I have not failed. I've just found 10,000 ways that won't work", Edison revolutionised various industries with his inventions, from the electric light to telecommunications.

Today, Australian inventor, scientist, and serial entrepreneur Kia Silverbrook is following Edison's footsteps and is known as a leading inventor, having 4,665 US utility patents and internationally, 9,874 patents.

Patents are just one form of intellectual property (IP), which include copyright, trademarks, industrial design rights and in some jurisdictions, trade secrets.

Apart from protection from IP infringements, registered IP can also be used to gain financing or investments.

Working on closing the gap for financing issues faced by local companies, the Intellectual Property Financing Scheme (IPFS) was introduced in Budget 2013 to facilitate the use of intellectual property rights (IPR) as collateral in funding technology companies.

"Becoming a high-income nation requires focusing on high-income industries. Depending on existing industries, such as manufacturing, will not take us there. In most high-income nations, it is



technology companies that are able to create high-income jobs," Malaysia Ventures Bhd (MDV) managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya tells Metrobiz.

As at March 31, MDV has received 22 applications from companies valued at more than RM110mil, while five companies — KRU Malaysia Sdn Bhd, Datamicron Systems Sdn Bhd, Infoconnect Sdn Bhd, Smart Mobile Technology Sdn Bhd and Giggle Garage Sdn Bhd — were granted financing totalling RM27.35mil.

Stressing on the need for a change in mindsets, Md Zubir said, in 2002, MDV began financing information and communication technology companies when commercial banks saw them as high risk.

Now, the company is progressing to helping technology companies secure financing by using their IP as collateral.

"Most of the applicants for IP registration are research companies or research institutions. Many do not know the value of their IP, whereas in other countries, many mergers and acquisitions take place due to the value of IP," he said.

The ICT and biotech industry financier had allocated RM200mil from its existing funds to finance tech companies, while Finance Ministry is providing a 2% interest rate subsidy and a guarantee of 50% of the financing as incentive under the scheme.

The scheme allows companies to leverage their IPRs to secure financing of up to RM10mil, or 80% of the value of their IPR, whichever is lower, for a five-year period.

Valuing IP

Under Budget 2013, the Government allocated RM19mil to Intellectual Property Corp of Malaysia (MyIPO). Zubir said out of the 23 IP related



companies which participated in three months of training for IP valuers since March last year, organised by the local IP administrator, only seven qualified. Of the seven, one is from MDV.

"In property valuation there is no shortage of qualified valuers capable of providing tangible valuations. IP valuations are more complicated and needs better appreciation of the potential value as IP is intangible in nature," he said.

For consistency in valuing these intangible assets, the Intellectual Property Valuation Model was launched by the Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry in November last year.

As part of the RM19mil allocated to MyIPO, an IPR market platform as well as

① Md Zubir and staff amazed with some of the IPFS applicants.

② Ting brainstorming with his research and development team at their office in Wisma UOA II, Jln Pinang.

> SEE NEXT PAGE

KERATAN AKHBAR THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 29 MEI 2014 (KHAMIS)



③ 'Vikingdom', an international film produced by KRU Studios in 2011, featured Hollywood actors and was distributed in over 80 countries.

④ Hikayat Merong Mahawangsa was made on a modest budget of RM8mil. The IP is owned by KRU Malaysia Sdn Bhd, the parent company of KRU Studios.

⑤ (From left) KRU Studios sound engineer Ilya Syazran, Norman, Edry Abdul Halim and Yusry Abdul Halim

Training more people to value IP

> FROM PREVIOUS PAGE

new training courses for IP evaluators will be carried out.

"Currently, MyIPO is engaging foreign IP valuers to provide IP valuation to SMEs under the scheme. When the fund has been exhausted, the pool of qualified local IP valuers will be ready to provide IP valuations. This will keep the cost of IP valuations down," he said.

In this regard, the Government had mandated MyIPO to drive the IP valuation initiatives, which currently focus on four deliverables: training of local IP valuers, the valuation of IP rights for suitable local SMEs, developing a national IP valuation model and creating an IP market platform for IP rights to be transacted.

Gaining financing

MDV is targeting more than 30 companies in the biotechnology, film, and ICT sectors.

Md Zubir says that one of the prerequisites for the companies is to have registered IP, which can be in the form of a patent, trademarks, design, copyright and others.

The valuation model of the IP is then based on several methodologies, such as the development cost, income method and the future-earning method.

However, he reiterated that the valuation is not for SMEs to sell their IP, but rather to give a value to it so it can become collateral to secure financing to develop new IP or other new projects.

"After doing the necessary due diligence, the IP then serves as a collateral to MDV," he said.

Since its formation in 2002, MDV has approved about RM6.4bil worth of projects and disbursed RM7.83bil as December 2013.

Without a track record, SMEs face difficulties in obtaining loans. Even if loans are granted, the interest rates can go as high 10%.

The interest rates for MDV's financing ranges from 7.25% to 9.75% depending on the risk profiling. Getting funding from a conventional financier may lead to pledging properties as collateral.

"For banks, one of the most important questions is how to recoup the loan in the event of default. We view it differently. Right from the start, we have enough confidence that the SME will find ways to make their business a success," Md Zubir said.

To facilitate the realisation of value from the IP-based collateral, he said an IP exchange will be formed by the third quarter of next year.

Md Zubir says this allows companies to place IP in a market place, similar to a stock exchange. This will help address the concerns of banks regarding the value of IP.

"MyIPO will be going to regions

that are active in the IP-related

market, including China and the

European Union to observe how their

markets perform," he said.

Targeting to disburse RM200mil by end-2014, he said the evaluation duration for financing ranges from 21 to 30 working days. Open-ended applications with no firm contracts, take up to 30 days while applications with firm contracts take up to 21 days.

"The challenge is not in the duration taken for evaluation and approval, but rather the time taken in registering the IP at the initial stage. Some of the applicants reviewed are in the process of getting their IPRs, or having their IPRs being valued by an IP valuer" he said.

Sharing experience

KRU Studios executive president Norman Abdul Halim says it was not easy in the beginning to get funding via the Intellectual Property Financing Scheme despite having a good track record with MDV, which funded the studio's animated movie *Rabbit*.

The 3D movie had to go through a long process for its IP valuation so it could be used as collateral.

The evaluation was conducted by a foreign IP specialist appointed by MyIPO.

The hope is that valuation periods will be shortened with more evaluators being trained.

KRU Studio was formed in 1992 and produces creative content such as feature films, television shows, animation, and music.

Having registered its first IP in 1994 for musical works, Norman said most of the company's IP are registered in Malaysia and a few in the US.

"IP funding is needed in the media and entertainment industry. Even though it is common source of funding in developed nations, unfortunately commercial banks in Malaysia do not understand and appreciate the value of IP."

"With the changes to the landscape, I hope the days when content creators had to mortgage their houses just to finance their next project will become a thing of the past," he says.

On preparing for the length of time it takes to have a patent granted, Jimmy Ting, managing director of Datamicron Systems Sdn Bhd, another recipient of MDV funding, says the company registered its patent for methods and the process of navigation for dashboards in US, Europe and China in 2006. The patent was only granted in March last year in China.

"If IP involves international patents, it probably takes years to get it granted," he says.

Ting said the MDV funding will be used for new R&D initiatives.

The company, which provides solution for big data, data warehousing and business intelligence has clients in seven countries. It won SME Corp's Innovation Award 2013 for ICT sector.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 28 MEI 2014 (RABU)

Kerjasama strategik TPMB-Angkasa sasar jana pertumbuhan 10 peratus

KUALA LUMPUR 27 Mei - Technology Park Malaysia Biotech Sdn. Bhd. (TPMB) menyasarkan untuk menjana pertumbuhan sebanyak 10 peratus setiap tahun hasil perjanjian kerjasama strategik syarikat berkenaan dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd., (Angkasa).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia (TPM), Datuk Azman Shahidin berkata, menerusi fasa awal perkongsian pintar berkenaan dapat menyumbang nilai jualan bulanan sebanyak RM100,000 kepada perolehan tahunan TPMB untuk suku pertama.

Tambah beliau, jika semua berjalan mengikut perancangan, nilai jualan bulanan turut disasar meningkat sehingga RM500,000 sebulan selepas jualan pada suku pertama.

Beliau berkata, sejumlah 14 produk berdaftar telah dikenal pasti untuk dipasarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa melalui kerjasama yang dijalankan di antara TPMB dan Angkasa.

“Beberapa produk kini di bawah proses pembangunan untuk kanak-kanak sekolah, sementara beberapa produk herba telah dikenal pasti untuk pasaran ekspor.

“Dengan rangkaian yang luas dan keahlian besar yang dimiliki oleh Angkasa, kami percaya kerjasama ini akan menjadi platform yang berdaya maju bagi kita un-



ABDUL Fattah Abdullah (tiga kanan) melihat produk TPM Biotech yang dipegang Ahmad Husni Johari sambil disaksikan Azman Shahidin (dua kiri), Nasarudin Hashim (dua kanan) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

tuk meneroka dan memberi kuasa kepada penciptaan dan pembangunan keusahawanan,” katanya pada sidang akbar selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik TPMB-Angkasa di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi TPM, Datuk Nasaruddin Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif TPMB, Ahmad Husni Johari dan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Menurut Azman, menerusi kerjasama strategik tersebut, kedua-dua pihak bersedia memainkan per-

anan yang penting dalam menggalakkan promosi penghasilan produk herba dan semula jadi Malaysia.

“Kedua-dua telah bersetuju untuk bersama-sama mengenal pasti projek, produk atau perkhidmatan dan/atau latihan yang memberi faedah bersama,” katanya,

Sementara itu Abdul Fattah berkata, Angkasa bakal melantik TPMB sebagai pengeluar secara kontrak dan pembekal produk herba atau semula jadi untuk diedarkan ke pasaran tempatan dan luar negara.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 28 MEI 2014 (RABU)**

TPMB optimis mampu jual produk herba RM100,000 sebulan

KUALA LUMPUR - TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPMB) menasarkan perolehan bulanan sebanyak RM100,000 menerusi kerjasama strategik dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Kerjasama itu membolehkan TPMB dilantik sebagai pengeluar secara kontrak dan pembekal produk herba untuk pasaran dalam dan luar negara.

Pengerusi TPMB, Datuk Azman Shahidin berkata, kerjasama itu dijangka dapat menjana pertumbuhan sebanyak 10 peratus setahun kepada syarikat tersebut.

"Bagi kewangan semasa, TPMB menasarkan kadar pertumbuhan 18 peratus untuk mencapai perolehan sebanyak RM6 juta," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman dengan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM), Datuk Nasarudin Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif TPMB, Ahmad Husni Johari.



AZMAN (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Abdul Fatah (dua kiri) sambil disaksikan oleh Ahmad Husni (kiri) dan Nasarudin (tengah) di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil semalam.

TPMB merupakan anak syarikat milik penuh TPM iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Syarikat itu mempunyai kemudahan kilang pembuatan di Raub, Pa-

hang dan Kangar, Perlis dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 500,000 untuk produk dalam bentuk paket, 50,000 produk botol, 3 juta produk kapsul dan 10 tan ekstrak dalam tempoh sebulan.